

01 AUG 1996

Mahathir

APABILA DOKTOR SESUAI SEBAGAI AHLI POLITIK

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 1 Ogos (Bernama) -- Memahami tabiat manusia amat berguna kepada ahli politik dan doktor memahami mengenai manusia lebih baik daripada golongan profesional lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata latihan yang dijalankannya sebagai seorang doktor telah membantunya "memahami lebih baik mengenai perspektif hidup dan apa erti semuanya itu".

"Dan, saya berpendapat latihan ini amat baik untuk seseorang ahli politik," katanya pada Kongres ke-30 Perubatan Singapura-Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir ialah penceramah undangan pada pidato ke-13 Prof Gordon Arthur Ransome anjuran Akademi Perubatan Singapura. Beliau juga dianugerahi Fellow Kehormat Akademi Perubatan Singapura.

Antara doktor dan peguam, katanya wujud perbezaan yang ketara dari sudut Perspektif.

"Seseorang doktor meneliti sesuatu masalah, penyakit yang dialami pesakitnya, untuk membolehkannya membuat diagnosa penyakit itu dan untuk menyediakan penawar yang terbaik," katanya.

"Seorang peguam akan meneliti sesuatu masalah berdasarkan kehendak pihak yang diwakilinya."

Dr Mahathir berkata doktor ingin mengetahui perkara sebenarnya supaya mereka dapat menyediakan rawatan untuk pesakit.

"Mereka tentunya membuat kesilapan, dan sebagaimana kata orang yang bersifat sinis, mangsa mereka akan ditanam enam kaki bawah tanah, sedangkan melalui peguam yang bijak, mangsa mereka akan berada enam kaki di atas," katanya dalam ucapan yang penuh dengan anekdot.

Katanya doktor dan pelawak sama-sama pernah bertanding untuk sesuatu jawatan dan telah berjaya dengan seorang pelakon menjadi presiden sebuah negara kuasa besar.

"Dalam politik, banyak orang berpeluang untuk berlakon dan saya yakin doktor akan berlakon lebih baik," katanya.

"Jika anda berpendapat demokrasi adalah satu gurauan, memilih pelawak akan melengkapkan pandangan anda. Dalam politik, terdapat banyak penglipurlara."

Walaupun berucap di hadapan kumpulan orang dari fakulti perubatan, Perdana Menteri masih sempat menyindir wartawan.

Katanya wartawan lebih tahu bagaimanapun hendak mentadbir sebuah negara daripada "gabungan semua presiden dan perdana menteri".

"Malahan seorang pemberita pelatih juga lebih lengkap memerintah sebuah negara daripada mana-mana ahli politik profesional," katanya.

"Tanpa wartawan untuk memberitahu kami apa yang harus dilakukan, kita ahli politik tentunya akan hilang arah."

Itulah sebabnya, kata Dr Mahathir, beliau sentiasa membaca majalah-majalah ekonomi dan politik sebelum membuat keputusan "apa yang tidak harus dilakukan untuk negara saya".

"Malaysia akan selamat jika kita tidak melakukan apa yang wartawan cuba meyakini kita supaya buat," katanya.

Mengenai tanggapan bahawa ahli politik adalah tidak bersih, beliau berkata "kematian, hidup yang sementara di dunia ini, dengan kesedaran yang anda tidak boleh membawanya bersama-sama anda sebagai satu penghalang, sekurang-kurangnya begitulah yang saya rasakan."

"Lebih daripada anggota masyarakat lainnya, doktor memahami apa itu

kematian, penutup segala-galanya," kata Dr Mahathir.

Katanya beliau sentiasa merasakan bahawa keseronokan sementara di dalam dunia ini tidak ada gunanya jika akan dikeji dan dibenci oleh generasi akan datang.

"Saya sanggup menolak kekayaan yang diperolehi dari sumber yang tidak halal asalkan nama saya tetap bersih," tegasnya.

-- BERNAMA

THG AHH